



WORLD SOCIAL
SECURITY FORUM
KUALA LUMPUR 2025

Hosted by:



With support from:



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 23 Jun 2025

Untuk Terbitan Media
23 Jun 2025

SIARAN MEDIA

MALAYSIA ANJUR FORUM KESELAMATAN SOSIAL DUNIA 2025; TUMPUAN TERHADAP PERUBAHAN DEMOGRAFI, PASARAN BURUH, HIJAU DAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 23 Jun – Malaysia sekali lagi menjadi tumpuan dunia apabila Kuala Lumpur bakal menjadi tuan rumah kepada **World Social Security Forum (WSSF) 2025**. Acara berprestij anjuran **Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA)** ini akan berlangsung bermula **29 September hingga 3 Oktober 2025** di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Sepanjang program berlangsung, Kuala Lumpur akan menjadi ibu kota keselamatan sosial dunia yang menghimpunkan pemimpin, pakar dan institusi dari seluruh pelusuk dunia.

Forum edisi kali ini bertemakan **"Shaping Social Security for a World in Transition"**, akan membincangkan cabaran serta peluang yang tersedia akibat perubahan demografi global, pasaran buruh yang dinamik, kemajuan teknologi dan usaha ke arah kelestarian – yang kesemuanya membentuk masa depan sistem keselamatan sosial.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam kenyataannya mengumumkan, WSSF 2025 bakal menjadi platform strategik bagi meneroka idea, idea futuristik dan inovasi dalam memperkasa sistem keselamatan sosial agar lebih relevan, inklusif dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global masa kini.

"Perkongsian pandangan daripada tokoh-tokoh antarabangsa dan pelopor keselamatan sosial amat bernilai, malah mampu menjadi pemangkin kepada reformasi sistem sosial yang bukan sahaja melindungi, tetapi juga memperkasa dan mengukuhkan daya tahan komuniti," jelas PERKESO.

Forum ini dijangka dihadiri lebih **1,500 delegasi** daripada **336 organisasi ahli ISSA merangkumi 164 negara**, termasuk Menteri-menteri, barisan Ketua Pegawai Eksekutif, pakar teknikal dan wakil daripada organisasi antarabangsa.

Sementara itu, buat julung kalinya, **Festival dan Anugerah Video Keselamatan Sosial Antarabangsa** akan diperkenalkan bagi menonjolkan komitmen dalam mempromosikan keselamatan sosial. **Anugerah Pencapaian Cemerlang ISSA** turut akan disampaikan kepada negara yang mempamerkan kejayaan luar biasa dalam memperkukuh sistem keselamatan

sosialnya.

Sepanjang lima hari program berlangsung, rencaman sesi plenari dengan lebih 80 sesi interaktif, bengkel panel, sesi tutorial dan Zon Inovasi ISSA akan diadakan, menjadikan forum ini satu pengalaman holistik dalam perkongsian ilmu dan memupuk kerjasama antarabangsa.

WSSF 2025 dianjurkan oleh Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), dengan kerjasama penganjur bersama iaitu PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ia turut disokong oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) selaku sekretariat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC).

Penganjuran ini mengukuhkan komitmen Malaysia dalam memperkemas sistem perlindungan sosial negara, selain mempertingkatkan peranan Malaysia sebagai rakan strategik global dalam agenda kesejahteraan sejagat. Ia juga membuka peluang unik untuk Malaysia mengetengahkan dasar dan inisiatif keselamatan sosial di pentas dunia.

Untuk maklumat lanjut berkenaan forum ini, layari laman sesawang www.issa.int/wssf2025

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Mengenai ISSA

Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) merupakan organisasi antarabangsa terkemuka dunia bagi institusi keselamatan sosial, jabatan kerajaan dan agensi berkaitan. ISSA mempromosikan kecemerlangan dalam pentadbiran keselamatan sosial melalui garis panduan profesional, kepakaran, perkhidmatan dan sokongan bagi membantu ahlinya membangunkan sistem dan dasar keselamatan sosial yang dinamik di seluruh dunia. Ditubuhkan pada tahun 1927 di bawah naungan **Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)**, ISSA kini mempunyai lebih daripada **330 organisasi ahli** di lebih **160 buah negara**.

Layari www.issa.int untuk maklumat lanjut atau hubungi ISSA.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
23 Jun 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi **Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA)**, sila hubungi:

Mr Sigve Soldal Bjorstad, Ketua Bahagian Komunikasi

+41 79 647 1454

bjorstad@ilo.org